

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir tentang Bandar Malaysia yang hendak dibina di tapak lapangan terbang tentera Sungai Besi. Adakah benar perniagaan yang akan dijalankan di Bandar Malaysia bebas cukai, jual-beli harta di Bandar Malaysia tidak dikenakan cukai GST dan dikecualikan bayaran setem dan ia dikecualikan daripada undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bandar Malaysia adalah suatu projek pembangunan bandar bersepadu yang bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di

arena global bagi menarik pelabur dan syarikat antarabangsa. Projek ini bakal memulakan pembinaan sebaik sahaja proses pemindahan fasiliti Pangkalan Udara Kuala Lumpur selesai dilaksanakan.

2. Perancangan pelan induk pembangunan Bandar Malaysia pada masa ini adalah di peringkat awal di mana kelulusan Kebenaran Merancang bersyarat telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 21 Disember 2015 bagi pembangunan tanah seluas 486 ekar. Sejumlah 354 ekar daripada jumlah keseluruhan tanah tersebut adalah untuk tujuan pembangunan, manakala selebihnya adalah untuk kegunaan kawasan lapang, infrastruktur dan utiliti.

3. Bandar Malaysia Sdn. Bhd. (BMSB) merupakan syarikat pemaju utama projek Bandar Malaysia yang akan menerajui pembangunan holistik metropolis baru ini. Pembinaan fasa pertama projek Bandar Malaysia dijangka bermula pada tahun 2017. Pada masa ini, BMSB sedang dalam proses perancangan untuk memuktamadkan ciri-ciri unik projek Bandar Malaysia yang antara lainnya:

- i. Bandar Malaysia akan dibina sebagai pembangunan berasaskan transit atau *Transit Oriented Development*, di mana penggunaan pengangkutan awam akan diberi keutamaan. Sebagai contoh, stesen terminal kereta api laju atau *High Speed Rail* (HSR) akan dibina di Bandar Malaysia. Stesen HSR tersebut akan digabungkan bersama MRT, KTM

Komuter, ERL, BRT dan Lebuhraya Setiawangsa Pantai;

- ii. 5000 unit kediaman mampu milik akan dibina dalam fasa pertama pembangunan Bandar Malaysia. Pembinaan rumah mampu milik ini akan mengutamakan konsep mesra kanak-kanak dan keluarga, kawasan yang selamat dan berkualiti kehidupan yang tinggi; dan
- iii. kawasan podium antara yang terbesar di dunia akan dibina dan dimajukan sebagai bandar raya “bawah tanah”, iaitu suatu konsep unik di mana penggunaan tanah akan dioptimumkan.

4. Kerajaan menyediakan pakej galakan cukai yang bersesuaian untuk menarik syarikat tempatan dan antarabangsa melabur di Bandar Malaysia. Galakan cukai yang telah diluluskan secara dasar adalah pengecualian cukai pendapatan, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah yang diberi secara bertempoh tertentu sebagai pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan Bandar Malaysia dan memberi manfaat jangka panjang kepada keseluruhan rangkaian ekonomi dalam negara. Bagaimanapun, pembangunan Bandar Malaysia bukannya sebagai suatu kawasan bebas cukai dan layanan GST semasa adalah terpakai di mana semua bekalan barang dan perkhidmatan dalam kawasan tersebut tertakluk kepada keenaan GST.